



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

10 SEPTEMBER 2025 (RABU)

Dr Abdul Rahman Ketuai Delegasi Sarawak Ke India

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
TVSarawak	Berita Sarawak	Online	9 Sept



Dr Abdul Rahman bersama delegasi dari Sarawak pada Lawatan Audit Rasmi ke Pusat Pemprosesan Daging Fair Export (India) Pvt Ltd (FEIPL). Foto Pusat Khidmat Bukit Kota

LIMBANG, 9 Sept: Timbalan Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak (M-FICORD), Datuk Dr Abdul Rahman Ismail, mengetuai delegasi dari Sarawak ke India bagi Lawatan Audit Rasmi ke Pusat Pemprosesan Daging Fair Export (India) Pvt Ltd (FEIPL) di Daregaon, Taluka Malegaon.

Beliau berkata, FEIPL merupakan sebuah syarikat di bawah LULU Group International iaitu syarikat terkenal yang berpusat di Emiriah Arab Bersatu.

Katanya, syarikat itu beroperasi di pelbagai negara dengan perniagaan dalam pelbagai sektor seperti industri pemprosesan daging, pasar raya besar, pusat beli-belah, pembuatan pakaian serta import dan eksport bagi pelbagai barangan pengguna.

“Pihak FEIPL berhasrat mahu mengeksport daging ke Sarawak dan melalui lawatan ini, pemeriksaan secara teliti ke atas pusat pemprosesan daging FEIPL di sini telah dilakukan bagi memastikan sumber daging yang

diimport adalah mematuhi dan memenuhi piawaian yang telah ditetapkan bagi memastikan keselamatan makanan di Sarawak," katanya dalam kenyataan.

Hadir sama Timbalan Setiausaha Tetap M-FICORD, Sayed Ismail Nasiruddin Dato' Sri Wan Hashim, Ketua Penolong Setiausaha Seksyen Perikanan dan Ternakan M-FICORD, Alice Loni, Pegawai Veterinar Kanan Bahagian Kesihatan Haiwan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak, Dr Chuo Hock Tieng, Pengarah Kanan Pembangunan Perniagaan FEIPL, Shailesh Talwar, Pengurus Besar Pusat Pemprosesan Daging FEIPL, Fasalu Rahiman dan Ketua Pegawai Kawalan Kualiti FEIPL Vikas Sachan. -TVS

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR